

Tahun pertama di universiti bukan untuk berbulan madu

# Kesungguhan perlu wujud dari awal

**B**ERGELAR mahasiswa adalah satu pencapaian yang membanggakan bagi seorang pelajar. Bagi mereka yang baru mendaftar untuk memasuki pusat pengajian tinggi, tentunya kini status mereka telah berubah menjadi mahasiswa atau warga universiti.

Memulakan langkah di universiti, walaupun baharu menjangkau usia sebulan, adakah pelajar telah menggerakkan 'kenderaannya' atau sebenarnya masih belum lagi menghidupkan 'enjinnya'?

Sebabnya, realiti kehidupan di universiti mungkin tidak sama seperti yang dibayangkan selama ini. Tahun pertama pengajian di universiti sebenarnya tidaklah semudah dan seseronok yang dijangkakan.

Kehidupannya bukanlah seperti yang digambarkan dalam drama atau iklan di televisyen. Hadir ke perpustakaan, mencari-cari buku rujukan di rak

yang tinggi dan kemudiannya terambil buku yang sama dengan bakal jodoh, hinggalah membibitkan bunga-bunga percintaan. Inilah antara khayalan yang sangat membahayakan kesihatan minda mahasiswa baharu.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Dr. Afandi Ahmad berkata, para pelajar perlu membuang khayalan tidak berasas itu sebaliknya berazam untuk terus kekal relevan dalam arena pengajian tinggi yang kompetitif dan memerlukan ketinggian akal budi tanpa kompromi.

Beliau yang juga Pengetua Kolej Kediaman Perwira UTHM berkata, para pelajar perlu mengambil semangat kejayaan atlet paralimpik Malaysia yang telah mencipta kejayaan di Rio baru-baru ini untuk menjadi pelajar cemerlang.

"Daya usaha yang sama mesti dilakukan jika ingin melahirkan pelajar cemerlang di universiti. Malah, strategi, komitmen dan kesungguhan yang tinggi perlu wujud seawal tahun pertama pengajian mereka di universiti.

"Tahun pertama berada di Universiti mestilah diatur dengan kemas dan diteliti rencana perjalanannya. Tidak boleh sama sekali masih dibuai mimpi indah kejayaan mendapat tempat di Universiti, lantas tahun pertama dilalui dengan santai dan indah umpama pasangan uda dara yang baru sahaja memasuki gerbang perkahwinan menikmati percutian bulan madu," katanya.

Dr. Afandi berkata, tiket mendapatkan tempat di menara gading sememangnya sudah berjaya digenggam, tetapi kejayaan belum tentu dalam genggamannya jika tahun pertama yang sangat penting hanya dihabiskan untuk berlibur.

Jelasnya, pengajian pada tahun-tahun mendatang kelak akan jauh lebih mencabar dengan kursus-kursus yang jauh lebih kom-

pleks.

Selain itu katanya, peranan ibu bapa juga perlu diperhalusi. Sebaiknya pelajar tidak diberikan 100 peratus kunci kebebasan sebaliknya ibu bapa perlu mengambil tahu aktiviti anak mereka dan memberi nasihat serta peringatan agar tahun pertama pelajar di universiti tidak menjadi sesuatu yang memakan diri sendiri. Ingatlah, kejayaan adalah suatu perjalanan dan bukanlah destinasi.

Dalam pada itu katanya, mendepani cabaran alaf ke-21 ini menyaksikan bahawa kecemerlangan bukanlah hanya diukur dengan bilangan gred A yang berjaya dirangkul, sebaliknya pelbagai aspek lain turut diambil kira.

Oleh itu katanya, universiti yang merupakan platform terakhir menyediakan jaguh-jaguh negara dalam pelbagai bidang dan pemimpin masa hadapan hendaklah dimanfaatkan oleh para pelajar.

Dalam mencipta kecemerlangan itu, beberapa perkara penting perlu diberikan perhatian serius antaranya:

## 1. Sesuaikan diri untuk tinggal di kolej kediaman universiti dengan segera.

Semua universiti awam (UA) menetapkan syarat agar siswa dan siswi tahun pertama untuk menginap di kolej-kolej kediaman universiti, malah ada juga UA yang memberikan kemudahan itu sehingga sepanjang tempoh pengajian.

Menginap di kolej kediaman sering kali dipandang remeh oleh kebanyakan pihak dan ini merupakan suatu kesilapan yang besar. Bagi mereka yang pernah tinggal di asrama, ia sebenarnya mempunyai kelainan tersendiri.

Jika sebelum ini sistemnya jauh lebih ketat, kini sistemnya lebih fleksibel tetapi masih berperaturan. Namun, menyesuaikan diri hidup berkongsi dengan rakan-rakan juga perlu dilakukan dengan segera kerana ia boleh menyebabkan tumpuan kepada pengajian terjejas.

Mungkin ramai tidak mengetahui bahawa sistem di kolej kediaman universiti sebenarnya dirangka untuk membina kematangan pelajar berfikir, menajamkan kemahiran membuat keputusan serta menambah nilai dalam diri.

Jika pelajar tidak dapat menyesuaikan diri dengan segera, dibimbangi mereka akan mengalami gejala kemurungan, anti-sosial dan perkembangan itu tidak sihat terhadap tempoh keseluruhan pengajian di universiti yang masih jauh perjalanannya.

## 2. Kenal pasti dan sertai aktiviti persatuan/kelab pelajar di kolej kediaman atau fakulti.

Hidup di universiti seawal tahun pertama janganlah berpuak-puak. Pemerhatian mendapati kegagalan menyesuaikan diri dengan cepat di kolej kediaman dan fakulti banyak didorong oleh kecenderungan sikap



**PELAJAR** baharu perlu mengelakkan diri daripada terperangkap dalam sindrom 5K iaitu Kuliah, Kafeteria, Katil, Komputer dan Kawan.

untuk bersama-sama dengan mereka yang datang dari negeri, bangsa dan program pengajian yang sama sahaja. Kecenderungan itu jika dibiarkan berkembang biak boleh menyebabkan sel-sel otak tidak berhubung.

Sebagai pelajar baharu, hendaklah mula mengenal pasti aktiviti-aktiviti persatuan/kelab di kolej kediaman atau fakulti yang selari dengan minat dan membangunkan potensi diri.

Pentingnya, mereka perlu mengelakkan diri daripada terperangkap dalam sindrom 5K iaitu Kuliah, Kafeteria, Katil, Komputer dan Kawan - Kuliah (kononnya hidup di Universiti hanya untuk hadir kuliah, tidak perlu membina diri, membina kemahiran-kemahiran lain), Kafeteria (hanya duduk membuang masa dengan melepak di kafeteria kolej atau universiti), Katil (bersahabat baik dengan katil, mempunyai jadual tidur yang tidak menentu dan tidur melampaui batas), Komputer (hanya duduk dalam dunia maya sendiri di depan komputer, melayan media sosial dan tidak mahu bercampur gaul) dan Kawan (cuba untuk menjadi orang lain, hanya mengikut kehendak kawan dan tidak berani mengatakan "tidak").

## 3. Elakkan memilih dan dipilih oleh rakan yang negatif.

Berada pada tahun pertama juga umpama baru memasuki kampung orang. Jadi, cubalah mengenali individu-individu penting untuk mendapatkan bantuan dan nasihat.

Untuk tidak terjerumus berbulan madu, ambil masa dan kenalilah individu penting seperti pemimpin Universiti, penasihat akademik (PA), pensyarah dan pemimpin fakulti atau felo-felo dan pemimpin di Kolej Kediaman tempat siswa dan siswi tinggal.

Bina hubungan profesional positif bersama mereka.

## 4. Melakukan pengorbanan masa menyelesaikan kelemahan diri.

Jika mereka menganggap tahun pertama itu benar-benar tahun untuk berbulan madu dan tidak pun mengambil usaha memperbaiki kelemahan diri maka nantikanlah hukumannya.

Seawal tahun pertamalah semua kelemahan-kelemahan utama berkisar bidang pengajian masing-masing perlu diselesaikan.

Mengambil contoh mereka yang berjaya menempatkan diri dalam bidang kejuruteraan, dua perkara utama yang perlu diselesaikan terlebih dahulu adalah ketajaman kemahiran matematik dan keupayaan menulis dan berkomunikasi sama ada dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris sebabnya hampir 90 peratus kursus yang diambil di dalam program itu memerlukan pengetahuan kukuh matematik.

Selain itu, keupayaan menulis esei dan laporan serta membuat pembentangan dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris juga didapati sangat longgar. Sebab itu, seawal tahun pertama hendaklah dipupuk terus minat suka membaca. Perpustakaan universiti yang menyediakan pelbagai bahan sama ada versi bercetak atau atas talian dengan kos yang tinggi mesti dihargai sebaiknya.

Gejala hanya bergantung harap kepada nota kuliah pensyarah sahaja hendaklah dibuang jauh-jauh. Apa yang dibekalkan itu lazimnya hanyalah rumusan dan sudah tentu amat sukar untuk difahami rumusan pelajaran jika kita tidak membaca dan mengkaji menerusi buku-buku rujukan berkaitan.